

oleh Samadi Ahmad  
bhnila@bh.com.my

**A**dat Perpatih, berasal dari Minangkabau, Indonesia sejak abad ke-15 terus diamalkan sehingga ke hari ini, malah pepatah 'biar mati anak, jangan mati adat' cukup sinonim dengan pengamal adat berkenaan.

Pelbagai jenis makanan termasuk kebanyakan bangunan juga mempunyai bumbung berbentuk Minangkabau bertujuan memartabat dan melihara seni budaya itu.

Sehubungan itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih berusaha memartabat dan memperkasakan Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat di Selangor melalui program Festival Adat Minangkabau Selangor di Kampung Minang, Semenyih, baru-baru ini.

Pelbagai aktiviti kesenian dan adat diadakan sempena program itu bertujuan mempopularkan budaya masyarakat pengamal Adat Perpatih kepada orang ramai khususnya generasi muda.

#### Erat perpaduan

Program berlangsung penuh meriah itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abd Aziz. Timbalan Ketua Pengarah, Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Mesran Mohd Yusop dan Pengerusi Persatuan Anak-Anak Minangkabau Selangor dan Kuala Lumpur, Datuk Khairul Buyong, turut hadir.

Johan berkata, perbezaan dan kepelbagaian yang wujud adalah kelebihan yang sebenarnya boleh menggerakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Katanya, dengan mengetahui dan menghormati perbezaan yang ada bukan saja membuatkan individu memahami budaya sesuatu kaum dan etnik, malah dapat memperkenalkan keunikan sesuatu adat.

"Program ini sangat baik diteruskan kerana ia mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan peser-

## » Festival Adat Minangkabau Selangorkekalkan warisan seni budaya

ta, malah dapat dijadikan sebagai medan pertemuan bagi mengeratkan silaturahim.

"Menerusi program ini ia juga dapat memelihara warisan seni budaya yang diusahakan kerajaan dalam mendahuluikan kepentingan rakyat pelbagai kaum dan agama," katanya ketika ditemui *FAMILI*, baru-baru ini.

#### Menghimpunkan pelbagai generasi

Sementara itu, Khairul berkata, program itu bertujuan menghimpunkan generasi Minangkabau di dua kawasan berkenaan di samping menonjolkan keunikan Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat dari keturunan Minangkabau.

Persatuan itu ditubuhkan 12 tahun lalu dan kini mempunyai lebih 5,000 ahli dari kawasan Kampung Baru, Gombak, Selayang, Bangi, Kajang dan Semenyih.

Katanya, selain mengadakan perhimpunan pada setiap tahun, pihaknya turut menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk membantu meningkatkan ekonomi dan kebajikan peserta.

Bagi Mesran, inisiatif penganguran program itu adalah sebahagian usaha pihaknya bagi mengangkat kembali adat pelbagai etnik di Selangor melalui Program Merakyatkan Seni dan Budaya (PMS) seterusnya memelihara kesenian itu bagi ditonjolkan kepada generasi muda.

Kata Mesran, pihaknya akan berusaha mengangkat adat daripada pelbagai etnik yang ada di seluruh negara dan



Demonstrasi pasangan pengantin Minangkabau yang lengkap berpakaian tradisional.



**Ramai generasi sekarang tidak mengetahui asal-usul keturunan keluarga mereka"**

**Mesran Mohd Yusop,**  
Timbalan Ketua Pengarah, Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

**Generasi muda dapat mengetahui seni budaya dengan lebih dekat dan yang masih diamalkan"**

**Nur Atiqah Ayub,**  
Pelajar



# t Perpatih satukan keluarga



Persembahan **tarian seni Minangkabau** mencuri tumpuan pengunjung pada Festival Adat Minangkabau Selangor di Kampung Minang, Semenyih, baru-baru ini.

sehingga kini berjaya mengetahui adat etnik Kerinci, Mandailing dan Jawa.

Jelas beliau, ramai generasi sekarang tidak mengetahui asal-usul dan keturunan keluarga mereka.

Oleh itu, program ini sesuai diajak sebagai landasan untuk mengenal salasilah keturunan mereka.

"Kita yakin program ini memberi peluang masyarakat di negeri ini terutama dari keturunan Minangkabau bertemu dan beramah mesra

antara satu sama lain," katanya.

Pelajar, Nur Atiqah Ayub, 17, berkata program ini secara tidak langsung membolehkan generasi muda mengenali seni budaya dengan lebih dekat dan yang masih diamalkan.

Separang program itu, pengunjung berpeluang menyaksikan persembahan kesenian, tarian, pameran dan adat selain tetamu dihadangkan dengan jamuan masakan kaum Minangkabau.

Lelaki  
Minangkabau  
juga **sinonim**  
**engan tarian**  
**piring** dan  
kaca.



Wanita  
Minangkabau  
mengenakan  
pakaian  
tradisional.



## Jam pelengkap gaya

**Barang** kemas dan aksesori lain seperti jam sentiasa menjadi dambaan wanita, selain ia melambangkan simbol kemewahan, status dan menyerlahkan penampilan diri.

Bagi merealisasikan impian itu, HABIB Jewels Sdn Bhd (HABIB) lebih dikenali dengan rekaan bermutu aksesori berlian, batu permata dan perhiasan emas, kini meluaskan jaringan perniagaan dengan memasarkan jam tangan merentasi Belgium Ice-Watch Gallery.

Jenama jam terkenal itu menjadi permaulan kepada HABIB memasarkan sesuatu yang boleh menjadi inspirasi kepada fesyen dan gaya hidup terkini, sekali gus tidak tertumpu kepada aksesori emas.

### Jenama mewah

Pengarah Urusan HABIB, Datuk Meer Habib, berkata dengan pembukaan galeri jam terbabit kini aksesori itu dapat dipakai semua kerana jenama mewah itu dijual dengan harga berpatutan.

"Jenama ini dipakai selebriti antarabangsa seperti Jeniffer Lopez, Avril Lavigne,

David Guetta dan Audrina Patridge hingga berjaya menarik lebih

lima juta penggemar menerusi laman peminat Facebook sejak diperkenalkan pada tahun 2007.

"HABIB menyasarkan 10 lagi cawangan Belgian Ice-Watch Gallery dengan masing-masing yang akan dibuka dalam masa terdekat ini, di Gurney Paragon Mall, Pulau Pinang dan Kompleks Pusat Bandar Johor Bahru (JBCC), Johor," katanya baru-baru ini.

Jam yang didatangkan dengan warna terang, berwarna-warni dan rekaan bergaya, Ice-Watch Gallery boleh didapati dengan harga bermula RM200

hingga RM1,000.

Meer berkata, jenama yang mempunyai 50 rekaan semakin mencuri tumpuan dalam kalangan penggemar jam, selain menyerlahkan gaya pemakainya.

"Warna dan reka bentuk yang pelbagai daripada jenama Ice-Watch menjadikan ia satu impian untuk pengguna yang ingin memperkenalkan personaliti tanpa menjaskan aliran fesyen terkini."

### Harga berpatutan

"Ini tidak menghalang lelaki menyerlahkan personaliti mereka kerana sebelum ini kebanyakan aksesori HABIB termasuk Pandora dan Hearts On Fire lebih kepada pengguna wanita," katanya.

Menurutnya, fesyen jam tangan berwarna-warni mampu melengkapkan perubahan kepada personaliti pemakai lebih-lebih lagi ditawarkan dalam harga mampu milik.

Meer percaya jenama itu bakal merancakkan lagi produk HABIB berikutnya Ice-Watch sudah popular di Eropah, Jerman, Perancis dan Belgium.

"Dengan harga berpatutan, penggemar berpeluang merasai sendiri kepuasan memakai jam dan jaminan kerosakan kekal dua tahun seperti pengedar sah lain," katanya.

Tahun ini Ice-Watch akan memperkenalkan beberapa koleksi baharu dan kebaikan produk ini adalah kalis air, didatangkan dengan kotak khas dan pelbagai pilihan warna menarik.

